

MEMPERKASA PEMIKIRAN DAN PENULISAN MELALUI TAKSONOMI REFLEKSI

Arfah Buang

School of Science and Technology, Singapore

Singapore

arfah_buang@sst.edu.sg

Abstract

Proses pembinaan keupayaan setiap pelajar agar dapat berfikir secara kritis dan menyampaikan ideanya dengan yakin, sama ada secara bertutur atau bertulis, merupakan antara hasil pendidikan yang dititikberatkan. Menjangkau ke hadapan, para pelajar harus dibekalkan dengan kemahiran untuk membentangkan idea-idea dengan tepat lagi berkesan, sesuai dengan tuntutan ekonomi berasaskan pengetahuan. Antara keprihatinan guru-guru, penulisan kerap menimbulkan cabaran dalam kalangan pelajar peringkat menengah yang kurang mahir dalam mengolah prosa mengikut urutan secara koheren dan kohesi. Selain itu, pelajar juga mempunyai masalah untuk menyatakan pendapat dengan baik dan berkomunikasi dengan meyakinkan, terutamanya secara bertulis. Hal ini mungkin boleh menimbulkan kesan negatif hingga ke alam dewasa dan alam pekerjaan. Satu kajian berskala kecil telah dijalankan bagi menangani masalah ini. Memperkenalkan taksonomi refleksi berstruktur yang meliputi pemikiran aras rendah dan tinggi melalui penggunaan blog dalam pengajaran penulisan merupakan metodologi dan strategi pencelahan yang telah digunakan dalam kajian ini. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan refleksi telah memanfaatkan para pelajar sehingga terdapat peningkatan yang positif dalam penilaian menulis dan pembaikan dari segi struktur serta organisasi penulisan pelajar. Ujian statistik tidak parametrik yang digunakan dalam kajian ini menunjukkan adanya perubahan yang signifikan pada $p < 0.05$, dengan nilai P yang berukuran 0.00798. Selain itu, dapatan kualitatif kajian ini juga menunjukkan bahawa penggunaan blog dapat menyokong dan mempermudah penulisan refleksi. Kesannya, blog membolehkan pemikiran metakognitif dilihat secara visual maka memperkukuh penghayatan konsep atau internalisasi pembelajaran. Dengan kata lain, ini menjadikan pembelajaran lebih optimal. Di luar lingkungan pengajaran bahasa, nilai pendekatan sebegini terletak pada keupayaannya untuk memperkasa para pelajar dari segi pemikiran sekaligus memupuk kemahiran insaniah; sesuai dengan visi pembangunan pelajar yang lebih holistik dan seimbang.

Kata Kunci: pengajaran penulisan, refleksi, pemikiran aras tinggi, blog

Biographical Data:

Arfah Buang merupakan seorang guru Bahasa Melayu berpengalaman dan pernah bertugas sebagai Pegawai Teknologi Pendidikan di Singapura. Beliau merupakan lulusan Sarjana (Pendidikan) – Kurikulum dan Pengajaran dari Universiti Teknologi Nanyang. Beliau menerapkan pelbagai kaedah ICT di bilik darjah kerana menganggap bahawa pengajaran bahasa perlu diselaraskan dengan ciri-ciri dan keperluan semasa para pelajar.

PENGENALAN

Membina keupayaan setiap pelajar agar dapat berfikir secara kritis dan menyampaikan ideanya dengan yakin, sama ada secara bertutur atau bertulis, adalah antara Hasil Pendidikan yang Diingini (*Desired Outcomes of Education*) yang dititikberatkan Kementerian Pendidikan Singapura (MOE, 2011a). Menjangkau ke hadapan, para pelajar harus dibekalkan kemahiran untuk membentangkan idea-idea dengan tepat lagi berkesan, sesuai dengan tuntutan ekonomi berasaskan pengetahuan.

Antara keprihatinan guru-guru, penulisan kerap menimbulkan cabaran dalam kalangan pelajar peringkat menengah yang kurang berpengetahuan dan berkemahiran untuk mengolah prosa mengikut urutan secara koheren dan kohesi. Selain itu, pelajar juga mempunyai masalah untuk menyatakan pendapat dengan baik dan meyakinkan, terutamanya secara bertulis (Azizah, 2012; Julinda, Muhammad, Ramna & Sarimah, 2012; Mohammad Noor, 2010). Hal ini mungkin boleh menimbulkan kesan negatif hingga dewasa dan di alam pekerjaan.

Jelasnya, dalam penulisan ekspositori, kecekapan seseorang pelajar untuk memberitahu dan menyampaikan maklumat, atau menerangkan dan menjelaskan sesuatu perkara melalui proses analisis yang logikal, amatlah perlu. Proses tersebut biasanya melibatkan pernyataan sebab dan akibat, mengenal pasti masalah dan penyelesaian, membuat perbandingan, dan menyediakan contoh-contoh atau fakta-fakta sokongan sebagai bukti. Justeru, penulisan ekspositori memerlukan organisasi yang kukuh, susunan yang logik, keterikatan yang utuh, serta kesinambungan yang lancar (Yani, 1998). Menurut pemerhatian pengkaji, terdapat ramai pelajar yang menghadapi kesukaran melahirkan penulisan ekspositori yang bermutu di bilik darjah. Ini dapat dilihat apabila ramai pelajar cenderung mendapat markah yang lebih rendah bagi penulisan ekspositori berbanding penulisan deskriptif dan naratif.

Salah satu faktor penyumbang adalah pelajar-pelajar ini sering gagal untuk berfikir tentang topik yang diberi secara mendalam. Terdapat juga kecenderungan dalam kalangan mereka untuk hanya menulis apa sahaja yang terlintas di minda tanpa pemikiran lanjut serta perancangan yang mencukupi. Malah agak ketara, wujudnya jurang antara keupayaan pelajar dalam membentuk abstrak dan konsepsi dengan kebolehan mereka untuk mengutarakannya dalam gaya penulisan ekspositori yang jitu (Mohammad Noor, komunikasi peribadi).

Terbit daripada itu, terdapat dakwaan bahawa, sekiranya para pelajar boleh menumpukan masa untuk membuat renungan serta berfikir secara lebih analitik semasa proses penulisan, kemungkinannya mutu penulisan mereka akan bertambah baik. Selain faktor masa, para pelajar juga memerlukan pemerancangan dalam membentuk pendapat dan pandangan mereka tentang hasil penulisan mereka itu sendiri secara mudah dan efektif melalui wadah yang lazim mereka gunakan.

Oleh yang demikian, memperkenalkan refleksi berstruktur yang meliputi pemikiran aras rendah dan tinggi melalui penggunaan blog dalam pengajaran penulisan merupakan metodologi dan strategi pencelahan yang telah digunakan dalam kajian ini.

PERNYATAAN MASALAH

Penulis yang lemah mempunyai masalah merancang, menghasilkan dan menyemak semula teks penulisan ekspositori mereka (de Milliano, van Gelderan, & Slegers 2012; Lienemann, Graham, Pemimpin-Janssen, & Reid, 2006; Scardamalia & Bereiter, 1986; Stein, & Dixon, 2001). Hal ini turut diperhatikan dalam bilik darjah pengkaji.

Dari segi kandungan, penulis yang kurang mahir didapati sering tidak menyertakan pernyataan tesis dalam penulisan mereka. Mereka juga tidak dapat memberi pernyataan-pernyataan huraian serta contoh atau bukti sokongan yang kukuh dan bertaut. Dari segi organisasi penulisan pula,

terdapat masalah pemerenggan atau penyusunan idea yang menjejaskan penyampaian maksud secara keseluruhannya. Perkara lain yang turut menarik perhatian adalah kurangnya perancangan yang mencukupi kerana mereka lebih suka terus menulis daripada merancang kandungan dengan terperinci bagi tajuk yang diberi.

Dalam kajian pustaka tentang penulis yang kurang mahir, terdapat banyak perbincangan mengenai peranan refleksi dan pengawalseliaan diri atau *self-regulation* untuk membina kecekapan menulis di bilik darjah (Herrick, 1992; Horning, 1997). Dari segi alat bantu proses pemikiran pula, terdapat banyak saranan yang menyokong penggunaan blog sebagai wadah refleksi (Hashemi, & Najafi, 2011; Song & Chan, 2008; Quek, 2009). Memandangkan ciri-ciri pelajar-pelajar era digital yang mengambil Bahasa Melayu hari ini, penggunaan blog tentunya menjadi saluran yang sangat sesuai dengan mereka.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk meneliti penggunaan dan kesan refleksi dalam pengajaran penulisan ekspositori bagi lima belas orang pelajar Bahasa Melayu di peringkat menengah dua di Sekolah Sains dan Teknologi, Singapura (SST). Dua pokok persoalan yang menjadi tumpuan kajian adalah:

1. Adakah refleksi memperbaiki penulisan ekspositori pelajar?
2. Adakah refleksi dipermudah melalui penggunaan blog?

KAJIAN LITERATUR

HUBUNGAN ANATARA REFLEKSI DAN PENULISAN

Herrick (1992) menegaskan bahawa penulisan memerlukan masa untuk menjana pemikiran yang mendalam. Guru-guru perlu memperuntukkan masa yang mencukupi dan menyediakan peluang bagi pelajar membuat renungan. Ini kerana renungan membolehkan mereka membangunkan idea-idea mereka dengan lebih bermakna. Pada pendapat Herrick, bercakap (*talking*) merupakan satu bentuk refleksi yang boleh dilakukan di dalam bilik darjah dengan pelbagai cara, seperti perbincangan berpandu, dialog kumpulan kecil atau dalam bentuk sidang guru-pelajar. Ini dapat membantu meningkatkan pemahaman pelajar tentang sesuatu topik dengan lebih mendalam serta menyediakan peluang bagi pelajar meneroka pelbagai sudut pandangan. Dengan cara ini, hasil penulisan pelajar dapat dipertingkatkan.

Dalam meta-analisis mereka, Gersten & Baker (2001) menyebut pengawalseliaan diri sebagai salah satu daripada lima komponen penting yang dikaitkan dengan penulisan yang kukuh. Pengawalseliaan diri meliputi pembelajaran yang berpandukan metakognisi atau 'memikirkan tentang pemikiran sendiri'. Ia boleh melibatkan refleksi melalui penyoalan dan pernyataan peribadi (Graham & Harris, 2000; Perry, Phillips & Hutchinson, 2006). Antara faedah pengawalseliaan diri kepada pelajar-pelajar, seperti yang dijelaskan oleh Troia (2005), termasuk kesedaran yang lebih tinggi tentang kecekapan menulis individu; pengurusan pemikiran, perasaan dan kesediaan menulis yang lebih baik; serta adaptasi strategi penulisan yang lebih berkesan. Troia mengusulkan pengawalseliaan diri melalui refleksi dalam bentuk catatan seperti menulis sebuah jurnal dan log penulisan.

Horning (1997) pula, yang menggunakan teknik di mana setiap pelajar menulis refleksi ringkas dengan hanya satu perenggan sepanjang kursus penulisan, mendapati bahawa refleksi telah membantu para pelajar meningkatkan kecekapan dan keyakinan diri sebagai penulis. Dengan berbuat demikian, para pelajar lebih menyedari pendekatan atau bentuk penulisan mereka serta kandungannya. Teknik refleksi yang digunakan Horning memberi peluang kepada pelajar untuk menggunakan strategi baharu atau yang lebih produktif bagi tugas menulis itu.

Namun, bagi para pelajar peringkat menengah, keberkesanan refleksi banyak bergantung kepada keupayaan pelajar menjalankan proses introspeksi ini. Natiujahnya, mereka memerlukan soalan-soalan perancah atau panduan untuk mendorong mereka membuat introspeksi yang berkesan. Satu pendekatan saranan adalah mengaplikasikan Taksonomi Refleksi Pappas (2001), yang mencontohi pendekatan Bloom. Pappas mencadangkan satu pemeringkatan soalan-soalan refleksi dari aras pemikiran yang lebih rendah kepada tahap yang lebih tinggi, yang boleh disesuaikan mengikut kemampuan pelajar untuk membantunya berfikir tentang sesuatu tugas menulis itu (lihat Rajah 1). Soalan-soalan panduan ini boleh diperkenalkan secara berperingkat-peringkat ke dalam aktiviti menulis untuk membolehkan introspeksi yang lebih efektif.

Rajah 1. Taksonomi Refleksi Pappas (2001)

Taksonomi Refleksi	
Menghasilkan:	Apakah yang patut saya lakukan seterusnya?
Menilai:	Bagaimanakah kelakonan saya dalam kegiatan itu?
Menganalisis:	Apakah yang saya lihat sewaktu melakukan kegiatan itu?
Mengaplikasi:	Bilakah dapat saya lakukan kegiatan itu lagi?
Memahami:	Apakah perkara yang penting mengenai kegiatan yang saya lakukan itu?
Mengingati:	Apakah kegiatan yang telah saya lakukan?



Ruth, Mora & Tamez (2012), yang sehaluan pandangan dengan Pappas, mengetengahkan pemeringkatan bagi proses refleksi di mana terdapat tiga tahap pemikiran. Fokus tahap pertama adalah berkaitan dengan memahami teori dan konsep; tahap kedua pula berkaitan dengan mengaplikasikan teori kepada situasi praktikal dan yang ketiga melibatkan eksperimentasi atau uji kaji yang meneliti perubahan dalam perspektif atau kefahaman asas.

Kesimpulannya, refleksi berperanan untuk memperluas pemikiran pelajar dalam proses penulisan. Ciri refleksi berpandu yang baik adalah terdapatnya pemeringkatan yang membantu pelajar untuk sekurang-kurangnya memahami, mengaplikasi dan meneliti pelbagai aspek penulisan itu.

BLOG SEBAGAI ALATAN REFLEKSI

Blog merujuk kepada laman web interaksi yang mempunyai pelbagai entri bertarikh - terdiri daripada teks, imej, objek media dan data - dalam urutan kronologi terbalik (Zamir, Kemboja & Supyan, 2011). Blog juga boleh dilihat sebagai sebuah laman web, yang menyerupai jurnal dalam talian, yang sentiasa dikemas kini (Stanley, 2005). Walaupun secara amnya blog berorientasikan pergaulan sosial, ia mempunyai nilai pendidikan yang cukup untuk dimanfaatkan oleh para pendidik (Barrett, 2004). Mynard (2007) telah mendapati bahawa blog berguna untuk pelajar bahasa. Dalam satu kajian, Mynard (2007) melaporkan bagaimana blog telah berjaya digunakan sebagai medium refleksi bagi pembelajaran bahasa. Selain daripada itu, blog juga merupakan satu wadah bagi latihan penulisan yang autentik.

Blog juga mempunyai potensi untuk menggalakkan autonomi pelajar, membangunkan kesedaran tentang khalayak dan mewujudkan persekitaran bilik darjah yang kolaboratif (Prentice, 2012). Kajian persepsi pelajar oleh Song dan Chan (2008) dilaporkan positif bagi penggunaan blog untuk tujuan pendidikan. Ini kerana blog mempunyai ciri-ciri yang boleh mendorong meningkatkan interaksi dan aktiviti reflektif, menggalakkan keyakinan diri, memberi peluang untuk meluahkan pendapat serta mendatangkan motivasi dalam pembelajaran, seperti yang ditunjukkan oleh peserta dalam kajian mereka.

Dalam kajiannya tentang bagaimana blog menggalakkan pembelajaran reflektif, Quek (2009) mendapati bahawa blog bukan sahaja mempertingkatkan kemahiran pelajar untuk menulis, malah ia

juga menggalakkan pelajar untuk menjadi lebih introspektif dan berfikir secara mendalam mengenai apa yang mereka tulis dalam blog mereka sendiri, atau, apabila mereka mengulas mengenai entri orang lain.

Sebagai kesimpulan, satu tukilan yang sering dikaitkan dengan Murray (1978) adalah - "bagaimanakah saya hendak tahu apa yang saya fikirkan sebelum saya dapat melihat apa yang saya katakan?" Sehubungan itu, blog merupakan alat yang sangat sesuai untuk menjadikan pemikiran pelajar lebih visual dan jelas kepada mereka semasa proses penulisan. Lantas, bagi tujuan kajian ini, blog merupakan wadah utama bagi aktiviti refleksi berstruktur dalam pengajaran penulisan di sekolah pengkaji.

KAEDAH KAJIAN

Kaedah gabungan penerokaan telah digunakan sebagai metodologi kajian yang dirancang dari awal, di mana dapatan kaedah kualitatif digunakan untuk menerangkan dapatan kaedah kuantitatif. Kajian ini mempunyai reka bentuk kuasi eksperimen kerana terdapat hanya sekumpulan subjek kajian sahaja. Perbandingan kesan pencelahan dilakukan ke atas kumpulan yang sama menerusi ujian pra-pos.

SUBJEK KAJIAN

Sekumpulan 15 orang pelajar menengah dua (lima perempuan, 10 lelaki) telah terlibat secara sukarela dengan keizinan ibu bapa atau waris masing-masing. Mereka melalui strategi pencelahan bagi pengajaran penulisan karangan ekspositori.

INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini menggunakan tiga instrumen iaitu markah ujian pre-pos, skrip karangan ekspositori dan temu bual separa struktur. Ujian pre-pos digunakan untuk membandingkan pencapaian subjek sebelum dan selepas pencelahan. Skrip karangan subjek digunakan untuk mengenal pasti ciri-ciri karangan ekspositori yang terdapat dalam sesebuah karangan itu, manakala transkrip temu bual separa struktur dikaji untuk mengutip data kualitatif bagi menjelaskan keberkesanan strategi pencelahan yang melibatkan refleksi berstruktur melalui blog itu.

PROSEDUR KAJIAN

Sebelum strategi pencelahan diperkenalkan, subjek diberikan ujian penulisan karangan ekspositori. Markah setiap individu dicatatkan. Strategi pencelahan dijalankan selama empat minggu. Kemudian, subjek menduduki ujian penulisan yang serupa. Markah setiap individu dicatatkan. Kedua set markah dibandingkan dalam satu ujian statistik tidak parametrik yang dikenali sebagai Wilcoxon Signed Rank Test, yang melibatkan perbandingan data daripada dua set yang sepadan. Ujian ini digunakan bagi bilangan subjek yang kecil atau kurang daripada tiga puluh orang peserta. Selain itu, setiap skrip karangan diteliti bagi mengenal pasti ciri-ciri atau unsur-unsur tertentu karangan ekspositori yang terdapat dalam karangan tersebut. Ciri-ciri yang dimaksudkan adalah pernyataan tesis (PT), huraian (H) atau penjelasan, contoh atau sokongan (C), dan penegasan (PS). Rajah 2 menunjukkan secara ringkas prosedur pengajaran sebelum pengujian.

Setelah ujian selesai dijalankan, subjek ditemu bual secara semuka. Soalan-soalan temu bual separa berstruktur menjurus kepada (a) penggunaan blog, (b) aktiviti refleksi dan (c) kemahiran menulis. Catatan verbatim diambil dan dikaji untuk mendapatkan tema-tema bagi analisa keberkesanan refleksi dalam penulisan dan penggunaan blog sebagai alatan refleksi, iaitu dua pokok persoalan yang menjadi tumpuan kajian ini.

Rajah 2: Prosedur Pengajaran & Pengujian

	Kaedah Bilik Darjah Biasa	Pencelahan
Fasa	Pengajaran Sebelum Penulisan	Pengajaran Sebelum Penulisan yang Disertakan Refleksi
Persamaan	Contohan karangan diberikan	Contohan karangan diberikan
Perbezaan	<p>Pengajaran secara eksplisit</p> <p>Pelajar diajarkan unsur-unsur karangan eskpositori</p> <p>Pelajar diajarkan struktur asas (lima perenggan) karangan dan cara menyusun perenggan.</p>	<p>Pengajaran secara eksplisit berserta refleksi menerusi catatan blog</p> <p>Pelajar membuat refleksi tentang kegiatan semasa pengajaran penulisan sekali gus mengingatkan semula unsur-unsur karangan eskpositori (Taksonomi: Mengingati, Memahami & Mengaplikasi)</p> <p>Pelajar diajarkan struktur asas (lima perenggan) karangan dan cara menyusun perenggan dan diminta membuat refleksi yang menganalisis dan menilai hasil kerja mereka berbanding contohan yang diberikan (Taksonomi: Menganalisis & Menilai)</p>
Pengujian	Penulisan karangan dalam masa 50 minit di bilik darjah	Penulisan karangan dalam masa 50 minit di bilik darjah

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

DATA KUANTITATIF

Markah ujian pra-pos pencelahan setiap pelajar dibandingkan dan, pada umumnya, terdapat peningkatan markah bagi ujian pos-pencelahan. Selanjutnya, ujian statistik tidak parametrik yang digunakan dalam kajian ini menunjukkan adanya perubahan yang signifikan pada $p < 0.05$, dengan nilai P yang berukuran 0.00798, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.

Rajah 3: Keputusan Wilcoxon Signed Rank Test

Set 1	Pra-pencelahan
Set 2	Pos-pencelahan
Nilai R+:	17.5
Nilai R-:	102.5
T:	17.5
n:	15
T (two tailed) 0.05	15
T (two tailed) 0.01	15
T (one tailed) 0.5:	30
T (one tailed) 0.1:	19

z:	-2.4138
p (two tailed)	0.01596
p (one tailed)	0.00798

Karangan pelajar turut diteliti sama ada mempunyai pernyataan tesis (PT), huraian (H) atau penjelasan, contoh atau sokongan (C), dan penegasan (PS). Perbandingan data sebelum dan selepas pencelahan menunjukkan peningkatan bagi keempat-empat ciri yang diteliti, seperti yang tersaji dalam Rajah 4.

Rajah 4: Keterdapatan Unsur-unsur Karangan Ekspositori

Kategori	Prapencelahan Jumlah karangan	Pospencelahan Jumlah karangan
Pernyataan Tesis (PT)	7	14
Huraian (H)	5	8
Contoh/ sokongan (C)	4	10
Penegasan (PS)	3	8

Sejajar dengan dapatan kajian lepas, dapatan kajian ini secara kuantitatif menunjukkan bahawa refleksi memperbaiki penulisan ekspositori pelajar dengan signifikan. Penulisan pelajar bertambah baik dan lebih berstruktur, iaitu dengan adanya pernyataan tesis, huraian, contoh sokongan dan penegasan yang lebih jelas terdapat dalam karangan yang ditulis.

Persoalannya, bagaimanakah refleksi dipermudah melalui penggunaan blog? Perkara ini dijelaskan melalui dapatan temu bual yang dijalankan.

DATA KUALITATIF

Pengekodan dilakukan melalui teknik ‘eyeballing’ dan ‘word repetition’ (Ryan & Bernard, 2003). Penggabungan kod yang serupa kemudian dilakukan untuk memperoleh tiga tema utama yang akan diterangkan selanjutnya.

Tema 1: Blog membolehkan pemikiran metakognitif dilihat secara visual

Menurut pelajar, aktiviti refleksi melalui blog membolehkan mereka berfikir secara metakognitif. Ini kerana aktiviti tersebut membuat mereka merenung tentang apa yang mereka fikirkan semasa menulis. Pernyataan-pernyataan pelajar yang diperoleh bagi tema ini adalah seperti berikut,

“Aktiviti ini membuat saya melihat semula perenggan yang saya tulis. Dari situ, saya cuba cari tautan bagi perenggan yang ditulis itu.” (P1)

“Sebelum ini saya hanya berfikir di minda tentang apa yang hendak ditulis. Apabila saya disuruh menulis tentang apa yang saya fikirkan, ini menjadi lebih jelas.” (P2)

Seperti yang diperkatakan oleh Chi, De Leeuw, Chiu, & LaVancher (1994), langkah menjelaskan pemikiran inilah yang sebenarnya dapat mempertingkatkan pembelajaran di bilik darjah.

Tema 2: Blog memperkukuh penghayatan konsep atau internalisasi pembelajaran

Aktiviti refleksi yang dijalankan menerusi blog didapati membantu pelajar mengingati struktur dan ciri-ciri penulisan ekspositori dengan lebih baik lagi. Ini kerana mereka berpeluang untuk berfikir secara introspektif. Selain itu, mereka turut berpeluang untuk memproses semula pengetahuan sedia ada atau membuat penyesuaian setelah ia difikirkan semula. Ketika ditanya apakah unsur-unsur karangan ekspositori, pelajar memberikan jawapan-jawapan berikut.

“Saya boleh membezakan karangan yang baik dengan yang buruk. Karangan yang baik mesti mempunyai pengenalan yang relevan dan menarik, memberikan contoh dan penjelasan.” (P1)

“Sebuah karangan perlu ada pengenalan kepada topik, penerangan dan kemudian kesimpulan.” (P2)

“Ia sentiasa bermula dengan pengenalan yang boleh berdasarkan beberapa teknik seperti memberi latar belakang atau memberi definisi. Kemudian, perlu ada sekurang-kurangnya 3 hingga 4 isi. Ia juga perlu diakhiri dengan kesimpulan.” (P3)

“Ia mestilah teratur – ayat judul, ayat huraian dan ayat penegasan.” (P4)

Natijahnya, aktiviti refleksi berstruktur yang dijalankan melalui bentuk soalan bertahap pemikiran aras rendah dan tinggi telah membantu pelajar untuk berfikir dan memahami apa yang mereka pelajari tentang penulisan ekspositori itu.

Tema 3: Blog membolehkan pemikiran dan pandangan diakses oleh orang lain

Blog dapat menyebarkan pemikiran dan pandangan seseorang pelajar atau memberi akses kepada orang lain untuk memahaminya. Kesannya, ini memudahkan pelajar untuk belajar daripada satu sama lain dengan pantas. Berikut adalah komen-komen pelajar:

“Blog merupakan satu saluran bagi pelajar untuk berkongsi antara satu sama lain tentang bagaimana mereka lakukan tugas menulis itu. Mereka juga boleh membaca tentang masalah yang kawan mereka hadapi.” (P1)

“Lebih mudah untuk dapatkan pandangan orang lain sebab blogterdapat dalam talian, tidak seperti buku atau fail.” (P2)

“Tidak mengambil masa yang panjang kerana tidak perlu bertukar-tukar kertas. Cuma perlu gunakan komputer.” (P3)

Sebagaimana yang diperkatakan oleh Quek (2009), blog menawarkan pelajar satu kemudahan untuk merujuk hasil karya orang lain supaya mereka boleh memperbaiki atau menambah nilai karya mereka sendiri.

KESIMPULAN

Perbezaan antara strategi pencilahan dengan strategi pengajaran biasa adalah penggunaan aktiviti refleksi berstruktur menerusi blog sebagai wadah sokongan. Aktiviti refleksi telah membantu pelajar untuk (i) berfikir secara introspektif dengan dibantu atau dirangsang soalan-soalan pelbagai tahap pemikiran, (ii) membaca semula hasil kerja mereka serta (iii) menyediakan satu lagi saluran pembelajaran melalui hasil kerja rakan sebaya yang diakses oleh mereka. Kaedah ini terbukti telah dapat membantu mereka meningkatkan penulisan seperti yang ditunjukkan melalui data kuantitatif dan kualitatif yang dikumpulkan.

Keterbatasan kajian adalah saiz subjek kajian yang kecil. Walau bagaimanapun, jika kajian ini boleh dibuat dalam konteks yang lain dan mencapai hasil yang sama berulang kali, maka ia dapat disahkan. Keterbatasan lain adalah tempoh pencilahan yang singkat yang perlu mengambil kira kesan memperkenalkan sesuatu yang baharu atau '*novelty effect*'.

Cadangan untuk kajian lanjut boleh berupa kajian susulan untuk mengetahui sama ada pelajar akan terus menggunakan strategi penulisan selepas pencilahan dihentikan. Ini boleh menggambarkan kesan jangka panjang pencilahan tersebut. Salah satu aspek yang belum diterokai dalam kajian ini adalah persepsi keyakinan pelajar bagi kemahiran menulis, yang boleh telah diukur melalui ujian pre-pos pencilahan. Kajian tersebut boleh menunjukkan korelasi antara kepercayaan pelajar dengan kemampuan dan prestasi sebenar mereka. Aspek kajian boleh tertumpu pada sama ada refleksi akan meningkatkan keyakinan kemahiran menulis.

Satu lagi bidang yang belum diterokai adalah untuk mengkaji mutu refleksi pelajar. Kajian ini boleh menilai refleksi mereka untuk mengesan peranan refleksi bagi pembelajaran yang mendalam serta mencatat perkembangan mereka melakukan refleksi berdasarkan soalan-soalan pelbagai aras pemikiran. Selain itu, aspek kajian yang lain pula boleh memberi tumpuan kepada mutu isi dan kandungan penulisan, seperti bagaimana pelajar menghuraikan atau mengemukakan hujah-hujah mereka berikutan refleksi berpandu melalui blog.

RUJUKAN

- Abdul Rashid, J. (2011). The problems pertaining to reading and writing skills in Malay language among rural primary school children. *Malay Language Educational Journal*, 1(1), 1-12.
- Azizah, A. (2012). *Penerapan Pemikiran Kritis Dalam Penulisan Karangan Argumentatif*. (Kertas Kerja Akademik). National Institute of Education, Singapore.
- Ball, A. F. (n.d.). *Expository Writing*. Dimuat turun daripada:
<http://www.stanford.edu/~arnetha/expowrite/info.html>
- Barret, H. (2004). *Learning And Assessing Through Reflection*. Dimuat turun daripada:
<https://sites.google.com/site/reflection4learning/why-reflect>
- Bazerman, C., Little, J., Bethel, C., Charkin, T., Fouquette, D. & Janet, G. (2005). *Reference Guide To Writing Across The Curriculum*. Parlor Press: Indiana.
- Castellano, D. J. (2006, 2011). *Basic Expository Writing*. Dimuat turun daripada:
<http://www.arcaneknowledge.org/writing/expository.htm>
- Chi, M. T. H., De Leeuw, N., Chiu, M-H., & La Vancher, C. (1994). Eliciting self-explanations improves understanding. *Cognitive Science*, 18, 439-477.
- de Milliano, I., van Gelderan, A., & Slegers, P. (2012). Patterns of cognitive self-regulation of adolescent struggling writers. *Written Communication*, 29(3), 303-325.
- De La Paz, S. & Graham, S. (2002). Explicitly Teaching Strategies, Skills, and Knowledge: Writing Instruction in Middle School Classrooms. *Journal of Educational Psychology*, 94(4), 687-698.
- Gedera, D. S. P. (2011). Integration of weblogs in developing language skills of ESL learners. *International Journal of Technology in Teaching & Learning*, 7(2), 124-135.
- Gersten, R., & Baker, S. (2001). Teaching expressive writing to students with learning disabilities: A meta-analysis. *The Elementary School Journal*, 101, 251-272.
- Graham, S., & Harris, K. R. (2000). The role of self-regulation and transcription skills in writing and writing development. *Educational Psychologist*, 35(1), 3-12.
- Hashemi, M. & Najafi, V. (2011). *Using blogs in English language writing classes*. *International Journal of Academic Research*, 3(4), 599-604.
- Herrick, M. J. (1992). *Writing requires reflection*. *Clearing House*, 65(3), 144-145.
- Horning, A. (1997). *Reflection and revision: Intimacy in college writing*. *Composition Chronicle: Newsletter For Writing Teachers*, 9(9), 4-7.
- Ida, S. S. (2003). *A study of approaches and methodology in the teaching of Malay language in four secondary schools in Singapore*. (Unpublished Masters Dissertation). National Institute of Education, Singapore.
- Julinda, H., Muhammad, I. J., Ramna, J. & Sarimah, A. (2012). *Kod QR: Karangan Ekspositori*. Pembentangan daripada *Seminar Bahasa Melayu 2012*. Singapore.
- Lienemann, T. O, Graham, S., Leader-Janssen, B., & Reid, R. (2006). *Improving the writing*

- performance of struggling writers in second grade. Journal of Special Education, 40 (2), 66-78.*
- Ministry of Education, Singapore (2011a). *Enhancing the teaching and testing of Mother Tongue Languages (MTL) to nurture active learners and proficient users - MTL review committee releases its recommendations.* Dimuat turun daripada:
<http://www.moe.gov.sg/media/press/2011/01/enhancing-the-teaching-and-testing-of-mtl.php>
- Ministry of Education, Singapore (2011b). *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu: Sekolah Menengah.* CPDD, MOE: Singapore.
- Mohammad Noor, M. H., (2010). *Teacher Questioning Through Socratic Questioning Models: Helping Students Think Critically And Write Better.* (Kertas Kerja Akademik). National Institute of Education, Singapore.
- Moon, J. (2001). *PDP Working Paper 4: Reflection in higher education learning.* Learning and Teaching Support Network Generic Centre. Dimuat turun daripada:
http://www.heacademy.ac.uk/resources/detail/resource_database/id72_Reflection_in_Higher_Education_Learning
- Mynard, J. (2007). *How Blogging Can Promote Learner Autonomy.* Dimuat turun daripada:
http://www.academia.edu/356937/How_Blogging_Can_Promote_Learner_Autonomy
- Pappas, P. (2001). *Taxonomy Of Reflection.* Dimuat turun daripada:
<http://www.peterpappas.com/2010/01/taxonomy-reflection-critical-thinking-students-teachers-principals.html>
- Perry, N, Phillips, L, & Hutchinson, L. (2006). Mentoring student teachers to support self-regulated learning. *The Elementary School Journal, 106(3), 237-254.*
- Plymouth University. (2010). *Reflection.* Learning Development: Plymouth University. Dimuat turun daripada: <http://www.learningdevelopment.plymouth.ac.uk/LDstudyguides%5Cpdf/11Reflection.pdf>
- Prentice, S. (2012). *Improving writing through blogging. NATE Classroom, 18(1), 24-26.*
- Quek, C. J. (2009). *Students' Perception of Their Learning through Blogs.* Dimuat turun daripada:
<http://hdl.handle.net/10497/2212>
- Ruth, R., Mora, A., & Tamez, A. (2012). Reflective writing of mexican EFL writers: Levels of reflection, difficulties and perceived usefulness. *English Language Teaching, 5(8), 1-13.*
- Ryan, G. W., & Bernard, H. R. (2003). Techniques to identify themes. *Field Methods, 15(1), 85-109.*
- Saha, S. (2005). *Nonparametric Tests.* Dimuat turun daripada:
<http://www.stat.ufl.edu/~ssaha/3024/CHAPTER14Examples.pdf>
- Scardamalia, M., & Bereiter, C. (1986). Research on Written Composition. In M. C. Wittrock (Ed.), *Handbook of Research on Teaching* (pp. 778-803). New York: Macmillan.
- Stein, M., & Dixon, R. (2001). What research tells us about writing instruction for students in the middle grades. *Journal of Direct Instruction, 1(2), 101-116.*
- Song, H. S. Y., & Chan, Y. M. (2008). *Educational blogging: A Malaysian university students' perception and experience.* Dimuat turun daripada:
<http://www.ascilite.org.au/conferences/melbourne08/procs/song.pdf>
- Stanley, G. (2005). *Blogging for ELT.* Dimuat turun daripada:

<http://www.teachingenglish.org.uk/think/resources.shtml>

Troia, G. A. (2005). Writing instruction for students with learning disabilities. In C. A. MacArthur, S. Graham, & J. Fitzgerald (Eds.), *Handbook of writing research* (pp. 1-18). New York: Guilford.

Tseng, C. C. (1998). *Teaching and Grading Expository Writing*. Dimuat turun daripada:
http://english.tyhs.edu.tw/xoops/html/tyhs/teach_source98/plan06.pdf

Xiao, Y. H. (2007). Applying metacognition in EFL writing instruction in China. *Reflections on English Language Teaching*, 6(1), 19-33.

Zamir, A., Kemboja, I., & Supyan, H. (2011). Blogs in language learning: Maximizing students' collaborative writing. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 18, 537-543.